

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J02.01/10.12/2 Jld. 3 (80)

27 Oktober 2024
24 Rabiul'akhir 1446

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 37/2024

PELAKSANAAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM SELARAS DENGAN PEMAKAIAN PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2024 PELAKSANAAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN DAN PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2024 PELAKSANAAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI

Adalah dimaklumkan bahawa Universiti melalui Lembaga Pengarah Universiti pada 2 Oktober 2024 telah bersetuju untuk menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 mengenai Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2024 mengenai Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan Tertinggi. Sehubungan dengan itu, Universiti akan melaksanakan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam ini sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 dan Bilangan 2 Tahun 2024 **berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024.**

2. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan di peringkat UTM dari segi penambahbaikan dalam skim perkhidmatan, penambahbaikan struktur gaji, elaun, kemudahan, pengurusan bakat, kemajuan kerjaya dan lain-lain yang berkaitan adalah sebagaimana ditetapkan dalam Pekeliling yang berkenaan.

3. Tawaran opsyen hanya akan diberikan kepada pegawai lantikan tetap yang sedang berkhidmat pada 1 Disember 2024. Pegawai yang menolak tawaran SSPA akan terus kekal di bawah skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan sedia ada di bawah SSM secara KUP. Opsyen hendaklah dibuat dalam **tempoh 40 hari mulai 21 Oktober 2024 hingga 30 November 2024.** Mana-mana staf yang tidak/gagal membuat opsyen pada 30 November 2024 akan dianggap sebagai menolak tawaran opsyen SSPA.

4. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2024 boleh di muat turun melalui pautan web <https://registrar.utm.my/bsm/sspa/>. Semua staf adalah diminta untuk mengambil maklum mengenai pemakaian Pekeliling ini dan membuat pemilihan opsyen SSPA dalam tempoh yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah